

U B574 AAB  
SUHARTO - ANUGERAH

JOHOR BAHRU, 6 FEB (BERNAMA)-- PRESIDEN SUHARTO MENGANUGERAHKAN BINTANG MAHAPUTRA ADIPURNA KEPADA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI SATU UPACARA RINGKAS DI ISTANA POLO DI SINI PAGI INI.

BINTANG MAHAPUTRA, ANUGERAH AWAM YANG KEDUA TERTINGGI SELEPAS BINTANG REPUBLIK INDONESIA, DIBERI KEPADA RAKYAT INDONESIA DAN PEMIMPIN LUAR NEGERI YANG TELAH MEMBERI KHIDMAT LUAR BIASA KEPADA NEGARA ITU.

YANG TURUT HADIR DI UPACARA ITU IALAH IBU TIEN SUHARTO DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI ASMAM MOHD ALI, MENTERI LUAR, DATUK RAIS YATIM DAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI INDONESIA PROF MOCHTAR KUSUMAATMADJA SERTA MENTERI PENGIRING, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK DAN ISTERI.

PRESIDEN SUHARTO DAN DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN BERTUKAR-TUKAR CENDERAMATA SEBELUM MENGADAKAN PERBINCANGAN RINGKAS. PEMIMPIN INDONESIA ITU KEMUDIAN MENGADAP PEMANGKU RAJA JOHOR DAN ISTERI SEBELUM BERANGKAT KE ISTANA BUKIT SERENE UNTUK MENYEMBAHKAN UCAPAN SELAMAT TINGGAL KE BAWAH YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA PERMAISURI AGONG. -- LAGI  
1016MST 06 02 87

U B575 AAB  
SUHARTO - ANUGERAH 2 JOHOR BAHRU

PRESIDEN SUHARTO, YANG TIBA DI SINI SEMALAM UNTUK RUNDINGAN DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR, BERLEPAS KE SINGAPURA PAGI INI MELALUI TAMBAK JOHOR UNTUK MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN PERDANA MENTERI SINGAPURA, LEE KUAN YEW.

MALAM TADI, YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA PERMAISURI AGONG MERAIKAN TETAMU DARI INDONESIA ITU DALAM SATU MAJLIS MAKAN MALAM DI ISTANA BUKIT SERENE. -- BERNAMA  
1017MST 06 02 87